



DOKUMEN SEBUT HARGA

UNTUK

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENCETAK DAN MEMBEKAL
BAHAN PROMOSI UNTUK SURUHANJAYA PERSAINGAN
MALAYSIA (MyCC)**

SEBUT HARGA MyCC(S) BIL: 8/2022

DISEDIAKAN OLEH :

**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)
Level 15 Menara SSM@Sentral,
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.
TEL: 03-2273 2277
FAX: 03-2272 2293**

Peringatan :

PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI **MEMBACA DAN MEMAHAMI** KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA SEBELUM MENGEMUKAKAN TAWARAN SEBUT HARGA. PENYEBUT HARGA YANG MEMBUAT SEBUT HARGA TIDAK MEMATUHI MANA-MANA FASAL DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.

ISI KANDUNGAN

| BIL | PERKARA | MUKA SURAT |
|------------|---|-------------------|
| 1.0 | KENYATAAN SEBUTHARGA | 3 |
| 2.0 | ARAHAN/SYARAT-SYARAT AM KEPADA PETENDER | 3 |
| 3.0 | PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN | 4 |
| 4.0 | MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT | 4 |
| 5.0 | PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA | 4 |
| 6.0 | PERTANYAAN | 6 |
| 7.0 | HARGA TAWARAN | 7 |
| 8.0 | MENARIK BALIK TAWARAN / MENOLAK BALIK TAWARAN | 7 |
| 9.0 | TEMPOH SAH LAKU TAWARAN | 7 |
| 10.0 | SURAT SETUJU TERIMA SEBUTHARGA | 7 |
| 11.0 | KONTRAK | 7 |
| 12.0 | DUTI SETEM | 8 |
| 13.0 | PERINGATAN MENGENAI RASUAH | 8 |
| 14.0 | PENERIMAAN SEBUTHARGA | 8 |
| 15.0 | SYARAT-SYARAT TAMBAHAN | 8 |

| LAMPIRAN | NAMA LAMPIRAN | MUKA SURAT |
|-----------------|---|-------------------|
| LAMPIRAN A1 | MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI TEKNIKAL | 10 |
| LAMPIRAN A2 | SURAT AKUAN PEMBIDA | 12 |
| LAMPIRAN A3 | JADUAL TEKNIKAL SPESIFIKASI PERKHIDMATAN MENCETAK DAN MEMBEKAL BAHAN PROMOSI UNTUK MyCC | 14 |
| LAMPIRAN A4 | PENYERAHAN CONTOH/SAMPEL DAN KATALOG | 20 |
| LAMPIRAN A5 | CADANGAN JADUAL PELAKSANAAN | 21 |
| LAMPIRAN B1 | MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI KEWANGAN | 22 |
| LAMPIRAN B2 | SALINAN SIJIL AKAUN PENDAFTARAN DARI KEMENTERIAN KEWANGAN (BEKALAN/PERKHIDMATAN) | 24 |
| LAMPIRAN B3 | SALINAN SALINAN SIJIL AKAUN BUMIPUTERA DARI KEMENTERIAN KEWANGAN SEKIRANYA ADA | 25 |
| LAMPIRAN B4 | LAMPIRAN Q | 26 |
| LAMPIRAN B5 | BORANG KETERANGAN MENGENAI PEMBEKAL | 30 |
| LAMPIRAN B6 | JADUAL HARGA SPESIFIKASI PERKHIDMATAN MENCETAK DAN MEMBEKAL BAHAN PROMOSI UNTUK MyCC | 33 |
| LAMPIRAN B7 | SALINAN PENYATA KEWANGAN BAGI TIGA (3) BULAN TERAKHIR | 34 |
| LAMPIRAN B8 | SENARAI NAMA PROJEK YANG PERNAH DILAKSANAKAN | 35 |

Semua penyebut harga hendaklah mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen pelawaan ini, melainkan setakat mana syarat-syarat tersebut ditolak atau diubah oleh pihak SURUHANJAYA.

1.0 KENYATAAN SEBUTHARGA

1.1 Tujuan Sebutharga

- 1.1.1 Sebut harga ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat dalam bidang perkhidmatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan masih dibenarkan untuk membuat sebut harga pada masa ini untuk perkhidmatan yang tersebut di atas.
- 1.1.2 Penyebut harga dikehendaki membekalkan perkhidmatan bahan promosi.
- 1.1.3 Pelawaan ini adalah terikat kepada arahan–arahan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

1.2 Tempoh Sebutharga

- 1.2.1 Tempoh Sebut Harga bagi perolehan ini adalah selama **16 hari kalendar bermula pada 08 Ogos 2022 (Isnin) dan tarikh tutup sebut harga adalah pada 23 Ogos 2022 (Selasa).**
- 1.2.2 Penyebut Harga hendaklah mengemukakan tawaran **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada 23 Ogos 2022**. Tawaran yang dikemukakan selepas jam 12.00 tengah hari **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

2.0 ARAHAN/SYARAT-SYARAT AM KEPADA PENYEBUT HARGA

Penyebut Harga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebut harga.

2.1 KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI SEBUT HARGA

- 2.1.1 Semua syarikat-syarikat yang hendak menyertai sebut harga ini hendaklah terlebih dahulu **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang ***Cenderamata dan Hadiah (030201)*** dan ***Perkhidmatan Rekabentuk Percetakan (221615)***.
- 2.1.2 Salinan surat Pendaftaran Kementerian Kewangan hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran. Jika tempoh pendaftaran telah ataupun hampir tamat, penyebut harga

hendaklah mengemukakan salinan surat daripada Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa permohonan untuk lanjutan telah dibuat.

- 2.1.3 Penyebut harga ini adalah terbuka kepada syarikat-syarikat **bertaraf bumiputera** sahaja. Bagi syarikat yang bertaraf bumiputera, salinan Sijil Taraf Bumiputera daripada Kementerian Kewangan hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran.
- 2.1.4 Sebut harga hendaklah dibuat di atas borang-borang yang telah disediakan (selepas ini dipanggil "Dokumen Sebut harga"). Borang-borang lain tidak diterima kecuali sebagai tambahan kepada borang asal yang mengandungi ruang-ruang yang sama dan serupa dari segi ukurannya.
- 2.1.5 Penyebut Harga mestilah mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan memiliki pengalaman dalam kajian berkaitan;
- 2.1.6 Penyebut Harga hendaklah mematuhi semua syarat dan terma yang ditetapkan apabila menyertai Sebut Harga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan terma yang ditetapkan boleh menyebabkan penyertaan Penyebut Harga ditolak;

3.0 PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN

- 3.1 Semua pembetulan/pindaan ke atas kesilapan – kesilapan yang dibuat hendaklah ditandatangani secara ringkas oleh orang yang menandatangani Dokumen Penyebut harga serta dicop dengan Cop Syarikat penyebut harga. Tandatangan ringkas dan pembetulan hendaklah dibuat dengan jelas dan setentang dengan kesilapan yang dibetulkan atau dipinda.

4.0 MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT

- 4.1 Penyebut Harga perlu menyediakan maklumat mengenai syarikat dengan melengkapkan **Lampiran B4** dan menyertakan **Profil Syarikat**.
- 4.2 Penyebut Harga perlu menyatakan pengalaman syarikat dalam perkhidmatan yang tersebut di atas dengan mengemukakan nama-nama dan alamat syarikat atau agensi yang terlibat. (**Lampiran B8**)

5.0 PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 5.1 Tawaran Sebut harga yang diserahkan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

i. **Kategori Teknikal**

- (a) SATU (1) **DOKUMEN ASAL** berbentuk *hard copy* dan DUA (2) **DOKUMEN SALINAN** berbentuk *hard copy*.
- (b) Semua dokumen sokongan termasuk borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah dijilidkan bersama dengan Tawaran Teknikal secara *ring bounded* agar tersusun rapi dan tiada kecaciran maklumat.
- (c) Ketiga-tiga Tawaran Teknikal di atas hendaklah diikat bersekali dan dibalut dengan *brown paper* serta hendaklah ditandakan "**Kategori Teknikal**" di sebelah kiri atas sampul berkenaan.

ii. **Kategori Kewangan**

- (a) SATU (1) **DOKUMEN ASAL** berbentuk *hard copy* dan DUA (2) **DOKUMEN SALINAN** berbentuk *hard copy*.
- (b) Semua dokumen sokongan termasuk borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah dijilidkan bersama dengan Tawaran Harga secara *ring bounded* agar tersusun rapi dan tiada kecaciran maklumat.
- (c) Ketiga-tiga Tawaran Harga di atas hendaklah diikat bersekali dan dibalut dengan *brown paper* serta hendaklah ditandakan "**Kategori Kewangan**" di sebelah kiri atas sampul berkenaan.

5.2 Kedua-dua Kategori Teknikal dan Kategori Kewangan di atas hendaklah disertakan dengan **DOKUMEN SOKONGAN** yang mengandungi: **Sijil Pendaftaran Kewangan, Pendaftaran Taraf Bumiputera (sekiranya ada), Profil Syarikat, Penyata Bank bagi tiga (3) bulan terakhir dan lain-lain maklumat tambahan** berkaitan **DAN** dimasukkan ke dalam satu sampul bersaiz besar yang berlakri (*sealed*). Sampul/kotak berkenaan hendaklah ditulis seperti berikut:

| |
|--|
| <p>BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN SURUHANJAYA PERSAINGAN (MyCC) Level 15 Menara SSM@Sentral, No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur. MyCC(S) Bil:8/2022</p> |
|--|

- 5.3 Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen Sebut Harga yang lengkap dan sempurna diisi secara **SERAHAN TANGAN** ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan sebelum tarikh dan waktu tutup Sebut Harga seperti di alamat berikut:

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
SURUHANJAYA PERSAINGAN (MyCC)
Level 15 Menara SSM@Sentral,
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.**

- 5.4 Serahan Dokumen Sebut Harga secara pos/kurier/emel/faks **Tidak Akan Dipertimbangkan.**
- 5.5 Semua dokumen yang dikemukakan bersama Dokumen Sebut Harga oleh Penyebut Harga adalah menjadi hak milik SURUHANJAYA dan tidak akan dikembalikan.
- 5.6 SURUHANJAYA tidak terikat untuk menerima Tawaran Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Tawaran Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan tersebut. SURUHANJAYA juga berhak menerima keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Sebut Harga dan keputusan SURUHANJAYA adalah muktamad.
- 5.7 **Tarikh tutup** bagi mengemukakan tawaran ialah pukul **12.00 tengahari**, pada **23 Ogos 2022.**
- 5.8 Pihak Suruhanjaya berhak menolak mana-mana dokumen yang tidak lengkap atau lewat diterima.

6.0 PERTANYAAN

- 6.1 Sebarang pertanyaan mengenai sebut harga ini bolehlah menghubungi pegawai yang berkenaan seperti di bawah:

Cik Noor Haffini binti Mohd Noor
Tel: 03-2273 2277 ext: 209
Emel: haffini@mycc.gov.my

ATAU

En Mohd Faridzuddin bin Baharudin
Tel: 03-2273 2277 ext: 204
Emel: faridzuddin@mycc.gov.my

7.0 HARGA TAWARAN

7.1 Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ditutup akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sahlaku sebut harga. Harga yang ditawarkan oleh penyebut harga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

8.0 MENARIK BALIK TAWARAN / MENOLAK TAWARAN

8.1 Penyebut harga tidak boleh menarik balik tawaran sebelum sebut harga dipertimbangkan atau menolak tawaran dibuat. Jika penyebut harga menarik diri atau menolak tawaran, nama penyebut harga akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan tatatertib, termasuk penggantungan pendaftaran.

9.0 TEMPOH SAH LAKU TAWARAN

9.1 Tempoh sah laku sebut harga ini ialah selama 90 hari bermula daripada tarikh sebut harga ditutup. Tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

10.0 SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

10.1 Suruhanjaya tidak terikat dengan sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga jua pun. Keputusan sebut harga adalah muktamad. Suruhanjaya tidak akan melayan sebarang surat-menyurat yang berupa rayuan dari penyebut harga berkenaan atas sebab-sebab sebut harga mereka tidak berjaya.

10.2 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan Suruhanjaya dan adalah terikat dengan syarat dan terma yang terkandung dalam Perjanjian tersebut.

11.0 KONTRAK

11.1 Surat perjanjian tidak akan diadakan bagi kontrak yang bernilai kurang daripada RM50,000.00 sementara bagi kontrak yang bernilai lebih daripada RM50,000.00 satu perjanjian akan diadakan. Penyebut harga yang berjaya adalah terikat dengan syarat-syarat perjanjian tersebut. Sebarang pindaan terhadap dokumen kontrak akan diberitahu kelak. Syarat-syarat dalam penentuan sebut harga dan syarat-syarat dalam surat tawaran adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.

11.2 Bagi kontrak bermasa (*time contract*), jumlah kuantiti adalah anggaran sahaja bagi tempoh kontrak yang ditetapkan.

- 11.3 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menyediakan kontrak asal serta salinan-salinan fotostat kontrak yang mana segala perbelanjaan tersebut adalah ditanggung oleh penyebut harga.

12.0 DUTI SETEM

- 12.1 Mana-mana duti setem yang perlu dibayar dan perbelanjaan yang berbangkit mengenai perjanjian ini akan ditanggung oleh penyebut harga.

13.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 13.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 13.2 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada sebarang barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkantuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

14.0 PENERIMAAN SEBUT HARGA

- 14.1 Suruhanjaya berhak menerima kesemua atau sebahagian daripada spesifikasi/skop bekalan/perkhidmatan/kerja yang telah ditawarkan daripada mana-mana tawaran sebut harga.

15.0 SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Syarat –syarat tambahan ini adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.

15.1 PEMBAYARAN

- 15.1.1 Pembayaran bagi perkhidmatan ini akan dibuat berdasarkan invoice yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Persaingan berserta dengan salinan akaun bank syarikat.

15.2 PENAMATAN DISEBABKAN OLEH RASUAH, TIPUAN BIDA, AKTIVITI TIDAK SAH ATAU AKTIVITI YANG MENYALAHI UNDANG-UNDANG

- 15.2.1 Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Kerajaan, sekiranya syarikat, kakitangan, pengkhidmat atau pekerjaanya disabitkan oleh Mahkamah terlibat dengan

rasuah, aktiviti tidak sah atau apa-apa perjanjian-perjanjian lain yang dimasuki oleh syarikat dengan Kerajaan, atau didapati terlibat dengan tipuan bida oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis bertulis dengan serta merta kepada Syarikat untuk menyatakan sedemikian kepada Syarikat.

- 15.2.2 Kerajaan berhak menuntut daripada Syarikat apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan itu.
- 15.2.3 Pihak-pihak bersetuju bahawa Syarikat tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu.

DOKUMEN ASAL / SALINAN NO. DARIPADA 2
(sila potong sama ada dokumen asal atau salinan. Jika salinan, sila nomborkan salinan)

KATEGORI TEKNIKAL

**MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK
KATEGORI TEKNIKAL**

Senarai semak berikut perlulah dimasukkan sebagai MUKA DEPAN di dalam Kategori Teknikal. Penyebut Harga hendaklah memastikan Kategori Teknikal adalah lengkap merangkumi semua item-item yang dinyatakan di bawah. Kegagalan Penyebut Harga melaksanakan demikian akan mengakibatkan Tawaran Sebut Harga Tidak Akan Dipertimbangkan.

| No. | NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN: MyCC (S), Bil.8/2022 <i>(sila isi no. siri di atas seperti yang tertera di muka depan dokumen pelawaan)</i> | | | |
|-----|--|-----------------------------|---|--------------------------------|
| | Dokumen Yang Perlu Diserahkan | Sila Tanda (√) | | |
| | | Ditanda oleh Penyebut Harga | Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga | Muka Surat di Tawaran Teknikal |
| 1. | Surat Akuan Pembida yang telah dilengkapkan dan ditandatangani (Lampiran A2) | | | |
| 2. | Jadual Teknikal Spesifikasi Perkhidmatan Mencetak dan Membekal Bahan Promosi Untuk Suruhanjaya Persaingan Malaysia yang telah diisi dan dilengkapkan (Lampiran A3) | | | |
| 3. | Penyerahan Contoh/Sampel (Lampiran A4) | | | |

PENGESAHAN OLEH PENYEBUT HARGA

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat yang dinyatakan di atas dan semua maklumat yang dikemukakan adalah benar dan lengkap.

.....
Nama Prinsipal :

No. K.P :

Tarikh :

Cop Syarikat :

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENCETAK DAN MEMBEKAL BAHAN PROMOSI
UNTUK SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

SEBUT HARGA MyCC(S) BIL. 8/2022

Saya, (*Nama Wakil Syarikat*)_____nombor kad pengenalan_____yang mewakili (*Nama Syarikat*) _____no.pendaftaran(*MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB*) _____dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:-

- 2.1 hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil :

- 3.1 Didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [*Akta 712*] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh

peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 Juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,


Tandatangan : _____
Nama : _____
No. Kad Pengenalan : _____
Tarikh : _____
Cop Syarikat : _____




Catatan:




- (i) **termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- (ii) ***seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan Bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan

JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

Perkhidmatan Mencetak dan Membekal Bahan Promosi Untuk Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

| BIL | KETERANGAN | SPESIFIKASI UMUM | PEMATUHAN (YA/TIDAK) | JENAMA DAN MODEL |
|-----|---|--|----------------------|------------------|
| 1. | <p>Multipurpose Laptop Sleeve (MyCC Batik)</p>  | <ul style="list-style-type: none"> • MyCC Batik Design • MyCC Logo in the middle of the item. • Size 13": 355mm x 250mm x 10mm for Macbook Air 13.3 (A1369 A1466 A1932) and other 13-inch laptops • Multi-Function Computer Bag: <ol style="list-style-type: none"> 1. Can be used as a computer stand 2. Can do mouse pad 3. Computer bag | | |

| | | | | |
|-----------|---|--|--|--|
| <p>2.</p> | <p>Cooler Bag</p>   | <ul style="list-style-type: none"> • High quality material, waterproof and durable. • With tin foil inside, can use as both insulated and cooler. • Ideal for travel, picnic, or office as a lunch bag. • Material: Oxford + Aluminium Foil • Features: Waterproof, Tote, Lunch Storage • Size: 25cm x 15.5cm x 21cm | | |
| <p>3.</p> | <p>Note Book</p>  | <ul style="list-style-type: none"> • MyCC Logo (Hot Stamping) – PU Leather – General diary • MyCC Logo (Hot Stamping) – Book • Cloth cover (Ana Tomy - A5s Wirebound) | | |

| | | | | |
|-----------|--|--|--|--|
| <p>4.</p> | <p>Coffee Flask</p> <p>400ml Insulated 304 Stainless Steel Vacuum Thermos Travel Coffee Mu...</p>   | <ul style="list-style-type: none"> • Made of double stainless steel 304, food grade plastic lid. • Keep warm/cold for 8-10 hours. • High quality • Leak-Proof, BPA Free. • Specification: Capacity:400ml. Size: 17*6.9cm. | | |
| <p>5.</p> | <p>Multifunction Phone Holder</p>  | <p>MyCC Logo printed on the phone holder</p> <ul style="list-style-type: none"> • Weight: 40g/43g • Thickness: 5mm • Size 1: 64mm x 98mm x 5mm (Midnight Black, Space Grey, Oxford Blue. Sienna Brown) • Size 2: 95.5mm x 64.5mm x 6mm (Sky Blue, Knight Black, Ash Grey, Island Blue, | | |

| | | | | |
|----|--|---|--|--|
| |  | <p>Taro Purple, Orange, Yellow)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Cards: Hold up to 3 cards • 3 Viewing Modes • Magnetically Attaches • Firm Grip • Pocket friendly & comfortable to hold | | |
| 6. | <p>Eco Bag / Recycle Bag (foldable)</p>  | <ul style="list-style-type: none"> • MyCC logo in the middle of the bag • Foldable • Size: 51 x 32 x 19 cm • Material: Shiny Color: Red / White / Grey | | |

LAMPIRAN A4

(Contoh/Sampel/Katalog)

LAMPIRAN A5

(Jadual Pelaksanaan)

DOKUMEN ASAL / SALINAN NO. DARIPADA 2
(sila potong sama ada dokumen asal atau salinan. Jika salinan, sila nomborkan salinan)

KATEGORI KEWANGAN

**MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK
KATEGORI KEWANGAN**

Senarai semak berikut perlulah dimasukkan sebagai MUKA DEPAN di dalam Kategori Kewangan. Penyebut Harga hendaklah memastikan Kategori Kewangan adalah lengkap merangkumi semua item-item yang dinyatakan di bawah. Kegagalan Penyebut Harga melaksanakan demikian akan mengakibatkan Tawaran Sebut Harga Tidak Akan Dipertimbangkan.

| No. | NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN: MyCC (S), Bil.8/2022 <i>(sila isi no. siri di atas seperti yang tertera di muka depan dokumen pelawaan)</i> | | | |
|-----|---|-----------------------------|---|-----------------------------|
| | Dokumen Yang Perlu Diserahkan | Sila Tanda (√) | | |
| | | Ditanda oleh Penyebut Harga | Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga | Muka Surat di Tawaran Harga |
| 1. | Salinan Sijil Akaun Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan) (Lampiran B2) | | | |
| 2. | Salinan Sijil Akaun Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Lampiran B3) | | | |
| 3. | Lampiran Q yang telah dilengkapkan dan ditandatangani (Lampiran B4) | | | |
| 4. | Keterangan Mengenai Pembekal (Lampiran B5) | | | |
| 5. | Jadual Harga Bagi Spesifikasi Mencetak dan Membekal Bahan Promosi untuk MyCC yang telah diisi dan dilengkapkan (Lampiran B6) | | | |

| No. | NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN: MyCC (S), Bil.8/2022 <i>(sila isi no. siri di atas seperti yang tertera di muka depan dokumen pelawaan)</i> | | | |
|-----|---|-----------------------------|---|-----------------------------|
| | Dokumen Yang Perlu Diserahkan | Sila Tanda (√) | | |
| | | Ditanda oleh Penyebut Harga | Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga | Muka Surat di Tawaran Harga |
| 6. | Penyata Kewangan Bagi Tiga (3) Bulan terakhir dilabelkan (Lampiran B7) | | | |
| 7. | Senarai Nama Projek Yang Pernah Dilaksanakan dilabelkan (Lampiran B8) | | | |

PENGESAHAN OLEH PENYEBUT HARGA

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat yang dinyatakan di atas dan semua maklumat yang dikemukakan adalah benar dan lengkap.

.....
 Nama Prinsipal :
 No. K.P :
 Tarikh :
 Cop Syarikat :

LAMPIRAN B2

(Sila lampirkan Salinan Sijil Akaun Pendaftaran dari Kementerian Kewangan)

LAMPIRAN B3

(Sila lampirkan Salinan Salinan Sijil Akaun Bumiputera Dari Kementerian Kewangan)

LAMPIRAN B4

(Kew. 284 – Pin. 2/94)

LAMPIRAN Q

**No. Sebutharga:
MyCC (S) Bil. 8/2022**

**BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN BARANG-BARANG/PERKHIDMATAN

Kepada (Nama Syarikat)

.....

No. Telefon

No. Pendaftaran dengan Kementerian

Kewangan

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan
dengan pembelian ini

**Sebutharga bagi Perkhidmatan
Mencetak dan Membekal Bahan Promosi
Untuk Suruhanjaya Persaingan Malaysia
MyCC (S) Bil.8/2022**

Pelawaan Sebutharga dikeluarkan oleh
Suruhanjaya (Alamat Lengkap)

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)
Bahagian Khidmat Pengurusan
Menara SSM@Sentral, Level 15,
No.7 Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur
Sentral, 50623 Kuala Lumpur.**

No. Telefon 03-2273 2277

Tarikh Pelawaan: **23 Ogos 2022 (Selasa)**

1. Sila beri sebutharga untuk bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah
tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

1.1 Syarat Penyerahan/Penyempurnaan ..Seperti di dalam dokumen sebutharga

1.2 Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan dikehendaki ..Mengikut syarat-syarat dalam kontrak

1.3 Arahan Pengiriman ..Bahagian Khidmat Pengurusan, Suruhanjaya Persaingan Malaysia

1.4 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul surat berlakri dan bertanda
No. Sebutharga MyCC (S) Bil. 8/2022

1.5 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di
atas tidak lewat pada **23 Ogos 2022 (Selasa), jam 12.00 tengahari.**

1.6 Tempoh sahlaku sebutharga hendaklah90..... hari selepas tarikh
tutup

Tarikh:

Tandatangan:

Nama Pegawai:

Jawatan:

.....

| Bil | Perihal barang-barang/perkhidmatan dan syarat-syarat khas | Unit Ukuran | Kuantiti/ Kekerapan | Kadar (RM) | Harga (RM) |
|--------------------------|--|-------------|---------------------|--------------------------------|------------|
| Untuk diisi oleh Jabatan | | | | Untuk diisi oleh penyebutharga | |
| | <p>Sebutharga bagi Perkhidmatan Mencetak dan Membekal Bahan Promosi Untuk Suruhanjaya Persaingan Malaysia MyCC (S) Bil.8/2022</p> <p>Tarikh Penyerahan/ Penyempurnaan ditawarkan</p> <p>* Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan</p> | | | | |
| | | | | Jumlah | |

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebutharga:

Nama dan K/P:

Tarikh : Alamat Syarikat:

Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang
SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang hendaklah tulin, baru dan belum digunakan

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan

3. SEBUTHARGA SEBAHAGIAN

Sebutharga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item

4. BARANG-BARANG SETARA

Sebutharga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi

5. PENYETUJUAN

(i) Suruhanjaya tidak terikat untuk menyetujui terima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga.

(ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbang sebagai suatu sebutharga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

(i) Suruhanjaya adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.

(ii) Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa ^{Barang-barang}_{Perkhidmatan} yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam piawaian ini.

8. PENOLAKAN

(i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebutharganya boleh ditolak.

(ii) Apabila diminta penyebutharga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Suruhanjaya segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.

(iii) Fasal-kecil (i) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Suruhanjaya untuk mendapatkan gantirugi kerana kemungkinan kontrak

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidangkuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURAN

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebutharga.

BARANG-BARANG EK-STOK ATAU KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor catalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATAWANG

Sebutharga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebutharga.

KETERANGAN MENGENAI PEMBEKAL

- 1. NAMA SYARIKAT :**
- 2. ALAMAT SYARIKAT :**
- 3. NO. TELEFON :**
NO. FAX :
- 4. TARIKH DITUBUHKAN :**
- 5. JENIS SYARIKAT :**
- 6. JENIS PERNIAGAAN :**
- 7. NAMA Pengerusi :**
- 8. KOMPOSISI MODAL :**
- 9. LEMBAGA PENGARAH :**
 - a.
 - b.
 - c.
 - d.
 - e.
- 10. NAMA DAN KEWARGANEGARAAN AHLI LEMBAGA PENGARAH :**
 - a.
 - b.
 - c.
 - d.

11. PENDAFTARAN SYARIKAT :

- a. No. Pendaftaran :
- b. Tarikh ditubuhkan :

12. PENDAFTARAN PERBENDAHARAAN :

- a. No. Pendaftaran :
- b. Tarikh Mula Pendaftaran :
- c. Bidang Pendaftaran :
 - i.
 - ii.
 - iii.
 - iv.

13. STATUS SYARIKAT :

- a. 100% Kepunyaan Syarikat Tempatan
- b. Perkongsian Antara syarikat Tempatan/ Luar Negeri
- c. Syarikat Luar Negeri
- d. Lain- Lain (Sila Nyatakan)

14. PERATUSAN KAKITANGAN :

- a. Bumiputera
- b. Bukan Bumiputera

15. MODAL :

- a. Modal Dibenarkan :
- b. Modal Berbayar :

16. BANK :

- a. Nama Bank :
- b. No. Akaun Bank :

17. BILANGAN KAKITANGAN :

| | Bumiputera | Bukan Bumiputera | Lain-Lain |
|------------------------|-------------------|-------------------------|------------------|
| Pentadbiran/Pengurusan | | | |
| Teknikal/ Profesional | | | |
| Lain-Lain (nyatakan) | | | |

Nota: Sekiranya ruangan di atas yang disediakan tidak mencukupi, penyebut harga hendaklah mengemukakan borang tambahan. Walau bagaimanapun, borang tambahan tersebut hendaklah mengandungi tajuk dan bilangan medan yang sama.

Saya memperakui segala keterangan yang disertakan adalah benar.

T/TANGAN PENYEBUT HARGA : _____

TARIKH : _____

NAMA : _____

JAWATAN RASMI DALAM SYARIKAT : _____

T/TANGAN SAKSI : _____

NAMA : _____

JAWATAN : _____

Suruhanjaya Persaingan (MyCC)
Level 15 Menara SSM@Sentral,
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur.

LAMPIRAN B6**JADUAL HARGA**

*Perkhidmatan Mencetak dan Membekal Bahan Promosi Untuk Suruhanjaya Persaingan
Malaysia (MyCC)*

| Bil | Perkara / Kerja | Kuantiti | Harga Seunit | Harga Tawaran (RM) |
|-----|---|----------|--------------|--------------------|
| 1. | Multipurpose Laptop Sleeve (MyCC Batik) | 350 | | |
| 2. | Cooler Bag | 1000 | | |
| 3. | Note Book | 300 | | |
| 4. | Coffee Flask | 100 | | |
| 5. | Multifunction Phone Holder | 50 | | |
| 6. | Eco Bag / Recycle Bag (foldable) | 1000 | | |
| | JUMLAH KESELURUHAN | | | |

LAMPIRAN B7

Sila lampirkan Penyata Kewangan tiga (3) bulan terakhir

LAMPIRAN B8

1. Senarai Nama Projek/Kajian Yang Pernah Dilaksanakan :

| Bil | Nama Projek | Tahun Projek Dilaksanakan | Tempoh Pelaksanaan | Organisasi | Nilai Projek (RM) | Jumlah Kakitangan yang terlibat |
|-----|-------------|---------------------------|--------------------|------------|-------------------|---------------------------------|
| 1. | | | | | | |
| 2. | | | | | | |
| 3. | | | | | | |
| 4. | | | | | | |
| 5. | | | | | | |
| 6. | | | | | | |
| 7. | | | | | | |
| 8. | | | | | | |

Nota: Sekiranya ruangan di atas yang disediakan tidak mencukupi, penyebut harga hendaklah mengemukakan borang tambahan. Walau bagaimanapun, borang tambahan tersebut hendaklah mengandungi tajuk dan bilangan medan yang sama.